

**NOTIS KEPADA PELAJAR**  
**BIL./8/2022**

**Semua Pelajar UTMSPACE**  
**(Asasi dan Diploma)**  
Universiti Teknologi Malaysia  
81310 UTM Johor Bahru  
Johor

*Assalamualaikum dan Salam Sejahtera,*

**URUSAN PENGINAPAN KOLEJ KEDIAMAN PELAJAR SEMPENA CUTI SEMESTER SESI AKADEMIK 2022/2023**

Sukacita dimaklumkan Cuti Semester Sesi 2022/2023 akan bermula bagi pelajar Asasi mulai **11 Disember 2022 (Ahad) sehingga 20 Disember 2022 (Selasa) selama sepuluh hari (10) hari** manakala pelajar **Diploma bermula pada 11 Disember 2022 (Ahad) sehingga 6 Januari 2023 (Jumaat) selama dua puluh tujuh (27) hari**. Sehubungan itu, berikut merupakan garis panduan berkenaan pengurusan penginapan kolej kediaman pelajar sempena Cuti Semester Sesi 2022/2023 seperti berikut :

**A. Pengosongan Bilik, Kebersihan Bilik dan Keselamatan Hartabenda Persendirian**

- i) Semasa proses pengosongan bilik, pelajar dinasihatkan agar :
- Memastikan kebersihan bilik kediaman masing-masing.
  - Menyusun dan mengemas perabot-perabot sedia ada.
  - Mematikan semua suis di bilik.
  - Mengunci tingkap dan pintu bilik masing-masing.
  - Membuang semua sampah sarap yang terdapat di bilik.

- ii) **Caj denda dan pembersihan beserta ganti rugi** akan dikenakan sekiranya pelajar gagal mematuhi peraturan di atas.

**B. Pemulangan Kunci Bilik**

- i) Pejabat kolej akan beroperasi pada waktu pejabat dan tarikh berikut bagi urusan pemulangan kunci bilik:

<b>Tarikh</b>	<b>Masa</b>
9 Disember 2022 (Jumaat)	9.00 pg – 12.00 tgh 2.30 ptg – 5.00 ptg
10 Disember 2022 (Sabtu)	9.00 pg – 5.00 ptg

- ii) Tarikh akhir pemulangan kunci bilik adalah pada **10 Disember 2022 (Sabtu)** sebelum jam 1.00 petang.
- iii) Pelajar yang gagal memulangkan kunci dan tidak mendaftar untuk penyewaan setelah tarikh cuti bermula akan didenda **RM 25.00** dan perlu membayar sewa mengikut jenis bilik sehingga kunci dipulangkan.
- iv) Pelajar **tidak dibenarkan** membuat pemulangan kunci bilik melalui **rakan**. Pihak kolej tidak akan bertanggungjawab ke atas kegagalan pemulangan kunci tersebut.
- v) Kunci bilik perlu dipulangkan dalam keadaan sempurna dan lengkap. Kunci yang tidak lengkap, hilang dan rosak akan dikenakan **ganti rugi atau denda sebanyak RM25.00 / RM50.00** mengikut jenis kunci.
- vi) Jika terdapat perabot / peralatan yang rosak / hilang disebabkan kecuaiannya, denda atau ganti rugi akan dikenakan kepada pelajar mengikut harga semasa.

### C. Penyewaan Semasa Cuti

- i) Pelajar dibenarkan menyewa bilik masing-masing bagi tujuan penyimpanan barang kegunaan sendiri dengan bayaran sebanyak **RM8.00 individu/hari**.
- ii) **Kadar caj untuk sewaan bilik adalah seperti berikut :-**

<b>KATEGORI PELAJAR</b>	<b>JUMLAH HARI</b>	<b>KADAR BILIK SEHARI</b>	<b>JUMLAH CAJ SEWAAN</b>
Asasi	10	RM8	RM80
Diploma	27		RM216

- iii) Bayaran sewaan adalah secara **tunai** dan dibayar di Pejabat Kolej.
- iv) Pelajar yang menyewa dikehendaki mengisi **Borang Mendiami Kolej Semasa Cuti** yang boleh didapati di pejabat kolej. Pas kebenaran akan dikeluarkan kepada pelajar semasa urusan pendaftaran penyewaan dan perlu diletakkan di pintu bilik. **Tarikh akhir bayaran penyewaan bilik pada 20 Disember 2022.**

### D. PERATURAN PENYIMPANAN BARANG SEMASA CUTI

- i) Pelajar yang ingin menyimpan barang kegunaan sendiri di stor kolej kediaman, diminta menghubungi Pejabat Kolej terlebih dahulu untuk mengetahui lokasi stor & tarikh stor dibuka.
- ii) Barang-barang boleh disimpan di dalam stor secara **percuma**. Pastikan setiap kotak/barang ditampal maklumat pelajar dan no. matriks.
- iii) Adalah diingatkan bahawa pihak kolej tidak akan melayan sebarang permohonan untuk membuka stor sepanjang tempoh cuti tersebut bagi tujuan keselamatan. Sehubungan itu, pelajar adalah diminta **membawa balik kesemua dokumen /barang berharga**. Pihak kolej juga **tidak akan**

**bertanggungjawab** ke atas sebarang kehilangan atau kerosakan barang/peralatan yang disimpan di dalam stor.

#### **E. Pengambilan Kunci Bilik**

- i) Tarikh pengambilan kunci bilik untuk pelajar Asasi dan Diploma adalah seperti berikut :-

**Pelajar Asasi : 21/12/2022 (Rabu)**

**Pelajar Diploma : 07/01/2023 (Sabtu)**

- ii) Pejabat kolej akan beroperasi pada tarikh-tarikh berikut bagi urusan pengambilan kunci bilik :-

<b>TARIKH</b>	<b>MASA</b>
6 Jan 2023 (Jumaat)	9.00 pg – 12.00 tgh 2.30 ptg – 5.00 ptg
7 Jan 2023 (Sabtu)	9.00 pg – 5.00 ptg

- iii) Pelajar yang pulang ke kampus setelah cuti semester dikehendaki mengambil kunci bilik di pejabat kolej kediaman.
- iv) Pelajar yang hadir awal sebelum semester bermula akan dikenakan caj sewaan bilik.
- v) Pelajar perlu mematuhi prosedur pendaftaran masuk ke bilik seperti yang diarahkan oleh pihak kolej kediaman.
- vi) Caj sewaan asrama bagi semester 3 sesi 2022/2023 **pelajar Asasi** adalah bermula dari **21 Disember 2022 sehingga 5 Mei 2023 (136 hari)**
- vii) Caj sewaan asrama bagi semester 2 2022/2023 **pelajar Diploma** adalah bermula dari **7 Januari 2023 sehingga 18 Mei 2023 (132 hari)**

#### **F. Hal-hal Lain**

- i) Pihak Universiti berhak mengeluarkan barang-barang milik pelajar yang tinggal di kolej kediaman tanpa kebenaran. Selain caj sewa dan denda, tindakan disiplin boleh diambil terhadap pelajar yang gagal untuk mengosongkan bilik mereka apabila diarahkan berbuat demikian oleh pentadbiran kolej kediaman.

- ii) Segala jenis kenderaan yang ditinggalkan hendaklah diletakkan ditempat letak kenderaan yang disediakan. Kenderaan tidak dibenarkan sama sekali disimpan di dalam blok dan bilik pelajar.
- iii) Pelajar yang mendiami asrama semasa cuti tertakluk kepada Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971, Kaedah-kaedah UTM (Tatatertib Pelajar) 1999 dan segala peraturan yang dikeluarkan oleh pihak Universiti.

Akhir kata, selamat bercuti dan selamat sampai ke destinasi bagi pelajar yang bakal memulakan perjalanan balik ke kampung halaman masing- masing.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,

  
**(ARIFFIN BIN BASSERANY)**

Ketua Unit Residen

Bahagian Pengurusan Aset

Universiti Teknologi Malaysia

UTM Johor Bahru

Johor

☎ 07-5531921

- s.k - Pengerusi Bahagian Pengurusan Perniagaan
- Timbalan Pendaftar Kanan (HEP )
- Timbalan Pendaftar TNC (P)
- Dekan UTMSPACE